

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 09 OGOS 2019

MUKA SURAT: 43

Pertimbang wujud penempatan semula pelarian UNHCR

PETALING JAYA 8 Ogos - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji idea mewujudkan perkampungan penempatan semula untuk mengumpulkan semula pelarian yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) yang bertaburan di seluruh negara.

Menternya, Zuraida Kamaruddin berkata, langkah itu bukan sahaja memudahkan pemantauan pelarian sedia ada khususnya Rohingya tetapi pada sama, ia akan membolehkan komuniti berkenaan mendapat akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan.

"Sekiranya kita boleh menubuhkan satu kawasan yang ditetapkan atau perkampungan untuk mereka dengan kemudahan seperti sekolah dan untuk memberi mereka orientasi kepada gaya dan budaya Malaysia agar mereka dapat 'bercampur', kita sebenarnya boleh membantu mereka.

"Dengan cara ini, kita juga boleh menggunakan tenaga kerja mereka dalam beberapa sektor berbanding hanya bergantung kepada pekerja asing. Kita boleh meminimumkan kemasukan

pekerja asing dengan memanfaatkan komuniti pelarian," katanya ketika ditemui selepas menjadi seorang daripada penceramah program syarahan bertajuk *Mainstreaming Disaster Resilience Attributes at the Local Government Level* yang merupakan sebahagian Persidangan Kemanusiaan Antarabangsa 2019 selama tiga hari yang berakhir semalam, anjuran Mercy Malaysia.

Menurutnya, idea itu bagaimanapun, belum dibincangkan di peringkat Kabinet.

Zuraida berkata, sudah tibanya untuk memperkasakan dan melatih masyarakat tempatan dalam pengurusan bencana bagi meningkatkan pengetahuan dan kesediaan mereka dalam menghadapi kejadian tidak diingini seperti banjir dan tanah runtuh.

"Sebaik sahaja mereka diberikan kuasa, mereka akan tahu apa yang perlu dilakukan sebagai responden pertama apabila bencana berlaku dan apa tindakan segera yang harus dilakukan," katanya sambil menegaskan bahawa masyarakat juga boleh menjadi kumpulan sokongan kepada mangsa. - BERNAMA



ZURAIDA KAMARUDDIN